



BANTUAN: Noraini (empat kanan) menyampaikan barang sumbangan kepada mangsa kebakaran di Bintulu kelmarin.

Perpustakaan UPMKB hulur sumbangan kepada mangsa kebakaran Sungai Plan

BINTULU: Perpustakaan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menyampaikan sumbangan kepada mangsa kebakaran Kampung Sungai Plan Lot Kidurong di Masjid Al-Muttaqin Kampung Sungai Plan Lot kelmarin.

Sumbangan disampaikan oleh Ketua Projek Infaq Perdana Bahagian Perpustakaan UPMKB Noraini Turkey kepada mangsa terlibat dalam

musibah tersebut.

Barangan disumbangkan ialah makanan, keperluan bayi, lampin pakai buang, susu, pakaian, kelengkapan sekolah serta alat permainan kanak-kanak yang merupakan hasil pengumpulan barangan Infaq Perdana dan sumbangan peribadi pelbagai pihak.

Ketua Bahagian Perpustakaan UPMKB Awang Ahmad Faizi Awang Dahlan berkata pihaknya

berharap sumbangan itu dapat meringankan beban mereka yang ditimpa musibah itu.

“Kami terus melaksanakan program tanggungjawab sosial ini bagi membantu golongan kurang bernasib baik sempena bulan Ramadan dan menjelang musim perayaan ini,” katanya.

Penyerahan barang sumbangan itu diadakan dengan lancar.